

Rancangan bunuh Pas, DAP

Pita rakaman Ku Li diedar

KUALA LUMPUR, Ahad — Salinan pita rakaman yang mendedahkan rancangan presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, hendak membunuh Pas dan DAP jika gabungan pembangkang memerintah negara ini, akan diedarkan kepada umum.

Di peringkat ini, Umno sudah pun ber-setuju mengedarkan salinan rakaman itu kepada semua bahagiannya bagi membuktikan bahawa pendedahan yang dibuat oleh presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu itu, adalah benar.

Keputusan itu dicapai dalam perjumpaan khas Perdana Menteri dengan semua ahli dewan undangan negeri Umno di sini malam tadi, kata Ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Datuk Isa Samad yang hadir di majlis itu.

Pagi tadi, Datuk Seri Dr Mahathir sekali lagi mengulangi kesediaan untuk menyiarkan pita rakaman berkenaan kepada umum pada bila-bila masa kepada ahli Pas, termasuk Yang Dipertuanya, Haji Fadzil Noor.

Sebagai reaksi pendedahan Perdana Menteri itu, Haji Fadzil semalam mempertahankan keikhlasan Tengku Razaleigh dan sebaliknya membuat tuduhan bahawa itu satu fitnah untuk memecahbelahkan Angkatan Perpaduan Umah.

Mengulas sikap Haji Fadzil itu, Datuk Seri Mahathir berkata, beliau tidak boleh memaksa

Pas untuk mempercayai pendedahannya mengenai rancangan Semangat 46 itu.

"Kalau Pas tidak percaya, tak apalah. Kita cuma menyampaikan maklumat saja," katanya kepada pemberita di majlis Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini.

Menurutnya, rancangan Tengku Razaleigh untuk menghapuskan DAP dan Pas jika gabungan pembangkang memenangi pilihanraya umum akan datang, adalah betul.

"Kita boleh memberi keterangan kalau dia (Haji Fadzil) kata apa yang saya cakapkan mengenai hasrat Tengku Razaleigh itu tidak betul," katanya.

Dalam hal ini, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, Pas bebas menafikan setiap perkara, khususnya yang berkaitan gabungan parti pembangkang, termasuk rancangan Semangat 46 untuk menghapuskan parti berkenaan.

"Pas hendak menafikannya, tak apalah. Semua orang pun boleh menafikan berita seumpama itu. Tapi, kita ada bukti..." katanya.

Ditanya sama ada kerajaan sedia menunjukkan pita rakaman itu kepada orang ramai, beliau berkata: "Tunggulah."

Menjawab soalan lain, beliau berkata, pita rakaman ucapan Tengku Razaleigh itu tidak akan disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) "kerana RTM kepunyaan kerajaan dan tentu tidak adil kita menggunakan media kerajaan untuk tujuan itu."

Bagaimanapun Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat pula berkata di Gombak Setia dekat sini pagi ini, rakaman itu boleh disiarkan melalui radio, jika rakyat benar-benar ingin tahu kandungan sebenar rancangan Tengku Razaleigh itu.